

Journal Online Jaringan Pengajian Seni Bina (JOJAPS)

Konsep Hotel Mesra OKU sebagai Peluang Perniagaan Kepada Pengendali Hotel

Marni bt Md Zali

^aJabatan Pelancongan dan Hospitaliti, Politeknik Merlimau Melaka (PMM)

Abstrak

Orang Kurang Upaya ditakrifkan sebagai seseorang yang mengalami kecacatan fizikal atau mental yang mempunyai kesan jangka panjang terhadap keupayaannya untuk melaksanakan aktiviti harian yang normal. Di Malaysia, kumpulan ini dipanggil sebagai Orang Kurang Upaya (OKU). Walaupun mereka mempunyai kekurangan fizikal atau mental, mereka juga merupakan sebahagian daripada masyarakat. Mereka harus diberi hak yang sama seperti orang biasa. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menyatakan bahawa 10% dari pemastautin negara adalah terdiri daripada orang kurang upaya. Kurangnya kemudahan untuk orang kurang upaya ini telah membuatkan mereka berasa tertinggal dan tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa seperti orang biasa lain. Sikap negatif oleh sesetengah masyarakat telah menjadi salah satu faktor hak mereka diambil. Oleh yang demikian, objektif penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh orang kurang upaya semasa menginap di hotel dan mencadangkan kepada pengendali hotel mengenai penyelidikan yang sedang dijalankan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa golongan OKU menghadapi masalah ketika menginap di hotel. Antara masalah yang dihadapi adalah persekitaran yang tidak sesuai, sering di pandang rendah, kemudahan untuk orang OKU tidak disediakan, kemudahan tidak diselenggara dan kemudahan disalahguna. Selain itu, golongan OKU juga tidak diberi keutamaan, menghadapi kesukaran memilih hotel berkonsepkan mesra OKU dan kelemahan sistem keselamatan hotel menyebabkan mereka berasa tidak selamat. Cadangan penambahbaikan kepada pihak hotel juga dikenalpasti agar hak golongan OKU tidak diabaikan kerana mereka merupakan segmen pelanggan yang berpotensi untuk diketengahkan sekali gus menjadikan perniagaan hotel mesra OKU sebagai konsep perniagaan baharu yang wajar diberi perhatian kepada pengendali-pengendali hotel. Penemuan kajian ini diharap dapat memberikan gambaran jelas mengenai kesedaran yang perlu dibangunkan di dalam masyarakat tentang hak-hak orang kurang upaya dan membantu orang kurang upaya menjalani kehidupan yang lebih selesa.

© 2020 Published by JOJAPS Limited.

Key-word: - Hotel Mesra OKU, Orang Kurang Upaya (OKU), Peluang Perniagaan

1. Pengenalan

Di dunia yang serba canggih ini, kita masih berkongsi hidup dengan orang kurang upaya (OKU) di mana kita tidak dapat lari daripada berinteraksi dengan kumpulan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung. Akan tetapi masih terdapat segelintir orang yang memandang rendah dan memperlakukan orang kurang upaya seolah-olah mereka tidak berhak untuk hidup seperti orang normal dan mendapat layanan yang baik dan adil. Menurut Ikmal Hisham (2014), hak untuk hidup bukan sekadar berdiri dengan sendiri namun berkait rapat dengan keperluan hidup, taraf sosial dan penglibatan di dalam masyarakat umum. Hal ini memberi gambaran bahawa kelompok ini mempunyai hak yang sama rata dengan insan normal yang lain dalam menjalani kehidupan seharian. Ikmal Hisham (2014) juga memetik daripada Artikel 3 Perisytiharan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat 1948 mentakrifkan bahawa setiap manusia mempunyai hak untuk hidup, kebebasan dan keselamatan. Setiap individu dan ahli keluarga mempunyai hak untuk mempunyai taraf hidup yang mencukupi sesuai dengan kesihatan dan keadaan individu dan keluarga tersebut termasuklah makanan, pakaian, perumahan, perubatan, keperluan khidmat sosial termasuk jaminan keselamatan daripada ancaman pembunuhan kerja, kesakitan, kurang upaya, kematian pasangan dan usia tua.

Antara jenis-jenis kekurangupayaan adalah cacat fizikal, mental, intelektual atau emosi (Akta OKU, 2008). Kekurangupayaan yang dialami oleh individu OKU ini menjadikan mereka sukar untuk melakukan aktiviti tertentu atau berinteraksi dengan dunia di sekitarnya. Berdasarkan Kamus *Oxford*, orang kurang upaya (OKU) bermaksud individu yang tidak dapat menggunakan

* Marni Md. Zali. Tel.: +0192313738 ; fax: 062636678

E-mail address: marni@pmm.edu.my

122 | O M I I C O T - V O L 2 1

bahagian badan sepenuhnya atau dengan mudah kerana keadaan fizikal, penyakit dan kecederaan yang dialami. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat pada tahun 2012, terdapat kira-kira 453,258 pendaftaran orang kurang upaya di Malaysia.

Terdapat tujuh (7) kategori orang kurang upaya yang boleh dipertimbangkan bagi pendaftaran OKU oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu kurang upaya pendengaran, kurang upaya penglihatan, kurang upaya petuturan, kurang upaya fizikal, kurang upaya pembelajaran, kurang upaya mental, kurang upaya pelbagai. Orang kurang upaya juga merupakan sebahagian daripada masyarakat. Oleh itu, mereka mempunyai hak dan peluang yang sama untuk menjalani kehidupan seperti anggota masyarakat yang lain. Menurut Ikmal Hisham dan Khairil Azmin (2018), golongan OKU harus dilayan secara bermaruah dan sama rata kerana mereka turut memberikan sumbangan kepada masyarakat.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh orang kurang upaya semasa menginap di hotel dan mencadangkan konsep hotel mesra OKU sebagai peluang perniagaan kepada pengendali hotel kerana ianya dilihat mempunyai nilai potensi pasaran dari segmentasi pelanggan OKU. Hal ini juga akan menarik minat ibu bapa yang mempunyai anak-anak kurang upaya untuk menginap di hotel dan menikmati percutian keluarga tanpa risau.

2. Penyataan Masalah

Menurut sebuah artikel *Masih Banyak Kebajikan OKU Tidak Dijaga* oleh Bernama (2020), masih terdapat rakyat Malaysia yang tidak mengambil peduli dengan nasib orang OKU. Ini terbukti di mana segelintir orang normal tidak peka terhadap keperluan orang kurang upaya seperti meletakkan kenderaan di petak khas untuk OKU di pusat membeli-belah. Mereka dengan tidak bertanggungjawab dan berasa malu meletakkan kereta dan pergi tanpa meninggalkan nota. Situasi ini menyebabkan orang OKU tidak dapat meletakkan kenderaan mereka dan perlu mencari tempat letak kenderaan lain yang mungkin jauh daripada pintu masuk pusat membeli belah.

Selain itu, terdapat hotel yang menolak permintaan daripada tetamu mengenai bilik yang boleh diakses oleh orang kurang upaya (OKU) berkerusi roda. Dalam kes ini, hotel gagal memenuhi keperluan orang kurang upaya dan menyebabkan mereka berasa terasing dan diabaikan. Masalah ini akan memberi kesan kepada orang kurang upaya semasa bercuti akibat kekangan kemudahan seperti yang diminta.

Kekurangan penyediaan kemudahan bagi orang kurang upaya di hotel menyebabkan mereka tidak dapat menjalani kehidupan yang selesa dan bahagia semasa menginap. Terdapat banyak hotel di luar sana yang masih kekurangan dalam menyediakan kemudahan untuk orang kurang upaya terutamanya kemudahan tandas OKU dan laluan kerusi roda yang lebih selesa. Walaupun ada beberapa undang-undang yang relevan, masih belum cukup untuk mengatasi berbagai masalah kekurangan fasiliti. Kemudahan tersebut perlu ditingkatkan untuk memberi kesenangan dan memastikan keselesaan serta kepuasan orang kurang upaya terjamin.

Maklumat yang tidak lengkap mengenai tempat percutian adalah salah satu masalah yang selalu dihadapi oleh orang kurang upaya. Beberapa maklumat penting yang perlu mereka ketahui adalah mengenai perkhidmatan pengangkutan, perkhidmatan penjagaan peribadi, infrastruktur dan penginapan. Orang kurang upaya juga memerlukan maklumat seperti orang normal ketika mencari lokasi pelancongan. Sebilangan maklumat tersebut adalah penerangan mengenai lokasi pelancongan seperti tempat-tempat pelancongan, aktiviti yang dapat dilakukan dan peta kawasan yang berisi maklumat seperti kawasan tandas, pusat membeli belah, kawasan parkir dan taman. Dalam kes ini, pengurusan hotel dan pusat maklumat pelancongan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa orang kurang upaya mendapat maklumat lengkap seperti orang normal tanpa membezakan kemampuan mereka.

Menurut satu kajian bertajuk, “*Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi Malaysia*” mendapati bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan pihak universiti untuk golongan pelajar kurang upaya masih lagi pada tahap kurang memuaskan dan tidak mesra OKU. Selain itu, kekurangan yang telah dikenalpasti menjadi ancaman kepada keselamatan pelajar-pelajar kurang upaya semasa berada di universiti. Ikmal Hisham dan Khairil Azmin (2018) menyatakan bahawa isu dan pemasalahan yang melanda golongan orang kurang upaya agak kurang mendapat tumpuan berbanding dengan kumpulan rentan yang lain seperti wanita, kanak-kanak dan orang asli. Fokus kepada golongan OKU masih baharu dan jarang diketengahkan sebagai isu yang penting dalam masyarakat. Selain itu, ketiadaan peruntukan penalti dalam Akta OKU 2008 di Malaysia menjadi penghalang hak asasi manusia dilaksanakan dengan wajar.

Selain itu, golongan OKU masih lagi berhadapan dengan persepsi negatif dan deskriminasi masyarakat, sekali gus dinafikan layanan sama rata disebabkan oleh ketidakupayaan. Ikmal Hisham dan Khairil Azmin (2018) juga berpendapat bahawa semua pihak berperanan penting membantu OKU mengurangkan impak ketidakupayaan mereka supaya masyarakat lebih inklusif dan mempunyai tanggapan yang positif terhadap kehadiran OKU sebagai sebahagian daripada anggota masyarakat.

3. Metodologi Kajian

Responden yang dipilih adalah terdiri daripada ibu bapa yang mempunyai anak kurang upaya (OKU) dari Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Menengah Kebangsaan Juasseh, Kuala Pilah Negeri Sembilan, Malaysia. Sebanyak 20 orang responden terlibat di dalam kajian ini. Penyelidik juga telah mendapatkan kerjasama daripada guru kelas bagi membantu proses pengumpulan data. Penyelidik telah mendapatkan senarai nama pelajar dan persetujuan daripada pihak yang terlibat untuk kajian ini.

Daripada 20 orang pelajar yang terlibat di dalam kajian ini, 2 orang pelajar dikenalpasti mempunyai masalah pembelajaran, 9 orang mempunyai masalah intelektual, seorang mempunyai masalah pendengaran, 2 orang pelajar mempunyai masalah *slow learner*, seorang pelajar mempunyai jenis kekurangupayaan jenis lain-lain, 3 orang mempunyai masalah *disleksia*, seorang mengalami masalah pertuturan dan seorang lagi pelajar merupakan pelajar *sindrom down*. Senarai pelajar mengikut kod, jantina dan jenis kekurangupayaan dilampirkan di dalam jadual 3.1.

Jadual 3.1: Kod, Jantina dan Jenis Kekurangupayaan Pelajar

Kod	Jantina	Jenis Kekurangupayaan
R1	Perempuan	Masalah Pembelajaran
R2	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R3	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R4	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R5	Lelaki	Masalah Pendengaran
R6	Lelaki	Masalah Pembelajaran
R7	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R8	Perempuan	<i>Slow Learner</i>
R9	Perempuan	<i>Slow Learner</i>
R10	Lelaki	Lain-lain
R11	Lelaki	<i>Disleksia</i>
R12	Perempuan	<i>Disleksia</i>
R13	Lelaki	<i>Disleksia</i>
R14	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R15	Lelaki	Kurang Upaya Intektual
R16	Perempuan	Kurang Upaya Intektual
R17	Lelaki	Masalah Pertuturan
R18	Perempuan	Kurang Upaya Intektual
R19	Perempuan	Kurang Upaya Intektual
R20	Perempuan	<i>Sindrom Down</i>

Penyelidik memberikan penjelasan dan arahan mengenai cara menjawab borang soal selidik. Responden juga dimaklumkan bahawa semua maklumat yang diberikan adalah rahsia dan digunakan bagi tujuan penyelidikan sahaja. Responden yang terlibat di dalam kajian ini diminta untuk menjawab borang soal selidik dengan ikhlas dan jujur. Pengumpulan data dilakukan pada bulan Februari 2020.

Kaedah kuantitatif menggunakan borang kaji selidik dipilih untuk mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh orang kurang upaya semasa menginap di hotel. Borang kaji selidik diedarkan kepada responden yang terlibat. Borang soal selidik yang diedarkan mempunyai 3 bahagian iaitu Bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi 5 soalan aneka pilihan jawapan mengenai latarbelakang responden. Bahagian B mengandungi 10 soalan berkenaan masalah yang dihadapi oleh orang kurang upaya (OKU) semasa menginap di hotel dan Bahagian C mengandungi 10 cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh pihak hotel bagi membantu golongan OKU menikmati pengalaman penginapan yang lebih selesa. Bahagian B dan C menggunakan respon skala 5 *likert*.

Perisian statistik *Statistical Package for Social Science* (SPSS) digunakan untuk menganalisa data yang telah dikumpul. Penyelidik menggunakan ujian statistik deskriptif, skor min dan peratus bagi kajian yang dijalankan. Rasional penyelidik menggunakan ujian statistik deskriptif adalah bagi membantu penyelidik menafsir dan memahami data yang diterima dengan memberikan sampel ringkas dan pendek. Manakala interpretasi skor min bagi kajian ini pula menggunakan sumber dari Norasikin (2009). Pemeringkatan skala skor min adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Jadual 3.2: Pemeringkatan Skala Skor Min

Skor Min	Tafsiran
1.0 to 2.0	Rendah
2.1 to 3.0	Sederhana Rendah
3.1 to 4.0	Sederhana Tinggi
4.1 to 5.0	Tinggi

4. Hasil Dapatan Latarbelakang Responden

Dari segi umur, sampel yang dipilih merangkumi umur pelajar OKU diantara 15-16 tahun iaitu 50%, 17 tahun iaitu 35% dan umur diantara 13-14 tahun iaitu 15%. Dari segi jantina, sampel yang dipilih merangkumi 12 orang pelajar lelaki iaitu 60% dan 8 orang pelajar perempuan iaitu 40%. Responden juga turut ditanya tentang kekerapan bercuti bersama anak OKU, hasil kajian mendapati 80% responden membawa anak OKU bercuti pada kekerapan 1 hingga 3 kali setahun, 10% responden membawa anak OKU bercuti pada kekerapan 4 hingga 6 kali setahun dan sebanyak 10% responden memberi respon membawa anak OKU bercuti diantara 7 hingga 9 kali setahun. Responden turut ditanya mengenai sumber pendapatan. Hasil kajian mendapati 50% responden mempunyai pendapatan diantara RM1000 hingga RM2000, 40% berpendapatan kurang RM1000 dan 10% responden berpendapatan diantara RM2000 hingga RM3000. Bagi item soalan pilihan tempat bercuti, kesemua responden memilih destinasi percutian di dalam Malaysia sahaja.

Analisis Deskriptif

Nilai min menerangkan kecenderungan setiap pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah tidak bersandar.

Jadual 4.1 Analisis Deskriptif Masalah yang dihadapi oleh OKU semasa menginap di hotel

Bil.	Item	Min	Tahap
B1	Persekitaran yang tidak sesuai.	3.45	Sederhana Tinggi
B2	Dipandang rendah oleh orang normal.	3.55	Sederhana Tinggi
B3	Kemudahan untuk orang OKU tidak disediakan.	3.50	Sederhana Tinggi
B4	Kemudahan untuk orang OKU tidak berada dalam keadaan yang baik.	3.45	Sederhana Tinggi
B5	Kemudahan untuk orang OKU tidak mencukupi.	4.00	Sederhana Tinggi
B6	Kemudahan untuk orang OKU tidak diselenggara.	3.85	Sederhana Tinggi
B7	Kemudahan untuk orang OKU disalahguna oleh orang normal.	4.10	Tinggi
B8	Orang OKU tidak diberi keutamaan.	3.85	Sederhana Tinggi
B9	Kesukaran memilih hotel berkonsepkan mesra OKU.	3.90	Sederhana Tinggi
B10	Kelemahan sistem keselamatan menyebabkan keselamatan orang OKU kurang terjamin.	4.00	Sederhana Tinggi
Skor min keseluruhan		3.76	Sederhana Tinggi

Berdasarkan Jadual 4.1 item B7 mendapat skor min tertinggi (skor min=4.10). Item B5 dan B10 mendapat skor min kedua tinggi (skor min=4.00). Skor min ketiga tinggi adalah item B9 (skor min=3.90). Item B6 dan B8 mendapat skor min yang sama 3.85. Item B2 mendapat skor min ketiga paling rendah iaitu 3.55. Item B3 mendapat skor min kedua paling rendah iaitu 3.50. Item B1 dan B4 mendapat skor min yang sama dan paling rendah iaitu 3.45. Walaupun terdapat skor min paling rendah tetapi pernyataan ini masih berada pada tahap interpretasi min yang tinggi. Keseluruhannya, nilai purata min bagi pembolehubah masalah yang di hadapi oleh OKU semasa menginap di hotel ialah 3.76. Ini menunjukkan bahawa terdapat masalah yang dihadapi oleh golongan OKU semasa menginap di hotel.

Jadual 4.2 Analisis Deskriptif Cadangan Penambahbaikan kepada pihak hotel

Bil.	Item	Min	Tahap
C1	Menyediakan kemudahan yang sesuai untuk orang OKU	4.60	Tinggi
C2	Menyediakan kemudahan yang selesa untuk orang OKU	4.60	Tinggi
C3	Menyediakan ruang menunggu khas untuk orang OKU	4.30	Tinggi
C4	Memeriksa kemudahan untuk orang OKU sekurang-kurangnya 2 kali sebulan	4.30	Tinggi
C5	Mengambil tindakan kepada individu yang menyalahguna kemudahan untuk orang OKU	4.60	Tinggi
C6	Menambah kemudahan untuk orang OKU	4.75	Tinggi
C7	Memberi layanan baik kepada orang OKU	4.55	Tinggi
C8	Memberi keutamaan kepada orang OKU	4.65	Tinggi
C9	Melatih konsep mesra OKU di kalangan pekerja	4.40	Tinggi
C10	Meningkatkan kawalan keselamatan di hotel	4.60	Tinggi
Skor min keseluruhan		4.54	Tinggi

Jadual 4.2 memaparkan analisa data bagi pembolehubah penilaian cadangan penambahbaikan kepada pihak hotel. Secara keseluruhannya, min yang dicatatkan bagi semua pembolehubah yang dikaji ini adalah 4.54. Ini menunjukkan cadangan penambahbaikan perlu dilakukan oleh pihak hotel. Item C6 menunjukkan tahap interpretasi min yang tinggi iaitu 4.75. Item C8, C1, C2, C5, C10, C7, C9, C3 dan C4 menunjukkan tahap interpretasi min yang yang memuaskan iaitu masing-masing adalah 4.65, 4.60, 4.55, 4.40 dan 4.30.

Kesimpulan

Orang kurang upaya (OKU) sebenarnya berdepan masalah ketika menginap di hotel dimana kebanyakan responden memberikan nilai sederhana tinggi kepada item yang diukur. Antara masalah yang dihadapi golongan ini adalah persekitaran yang tidak sesuai, sering dipandang rendah, kemudahan untuk orang OKU tidak disediakan, kemudahan untuk orang OKU tidak berada dalam keadaan baik, kemudahan untuk orang OKU tidak mencukupi, kemudahan untuk orang OKU tidak diselenggara, kemudahan untuk orang OKU disalahguna, tidak diberi keutamaan, kesukaran memilih hotel berkonsepkan mesra OKU dan kelemahan sistem keselamatan di hotel. Pihak pengendali hotel perlu mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan golongan OKU tidak terpicir dan berasa tersisih. Hal ini kerana golongan OKU merupakan segmen pelanggan yang berpotensi untuk diketengahkan.

Rujukan

- Akta 685. (2008). *Akta Orang Kurang Upaya*. Dimuat turun daripada <http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%20685%20%20Akta%20Orang%20Kurang%20Upaya%202008.pdf>
- Aminah, M.K. (2012). *Kurang Upaya Secara Am*. Dimuat turun daripada <http://www.myhealth.gov.my/kurang-upaya-secara-am/>
- Astro Awani,. (2018). *Kurang Kemudahan di Tempat Awam, Golongan OKU Minta Perhatian Kerajaan*, Dimuat turun daripada <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-kemudahan-di-tempat-awam-golongan-oku-minta-perhatian-kerajaan-180496>
- Alyaa, A. (2019). *Isu Dihadapi OKU Bukan Hanya Dari Sudut Kebajikan*. Dimuat turun daripada <https://www.malaysiakini.com/news/505157>
- Bernama. (2019). *Benarkah Kebajikan OKU Tidak Terjaga?*. Dimuat turun daripada <http://bernama.com/bm/news.php?id=1690509>
- Bernama, (2019). *Masih Banyak Kebajikan OKU Tidak Dijaga*. Dimuat turun daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/2019/02/01/masih-banyak-kebajikan-oku-tidak-dijaga/>

- Disabled, W. (2009). *Definition of Disability*. Dimuat turun daripada <https://www.disabled-world.com/definitions/disability-definitions.php>
- Disabled, W. (2019). *Benefits, Facts, and Resources for Person with Disabilities*. Dimuat turun daripada <https://www.disabled-world.com/disability/types/>
- Fazmy, A.R. (2019). *Dakwa Individu Salahguna Kemudahan OKU*.
<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/633980/dakwa-individu-salah-guna-kemudahan-oku>
- Hazlin, F. (2017). *Realiti Penerimaan Masyarakat Terhadap Orang Kurang Upaya (OKU) di Malaysia dari Perspektif Media*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/12/633980/dakwa-individu-salah-guna-kemudahan-oku>
- Hidayah, M. (2020). *Agensi Kerajaan Swasta Kurang Sensitif Keperluan OKU*. Dimuat turun daripada <https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2019/02/532823/agensi-kerajaan-swasta-kurang-sensitifkeperluan-oku>
- Hasnah, T., Mohd Hanafi, M. Y., Mohd Mokhtar, T., Norasuzaini, S. (2009). *Sokongan dan Halangan yang Dihadapi Pelajar-Pelajar Kurang Upaya di Sebuah Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia*. AJTHE, 1 (2), 18-29.
- Ikmal Hisham, M. T. (2014). *Orang Kurang Upaya (OKU) dan Hak untuk Hidup: Satu Analisis Perundangan di Malaysia*. International Conference on Law, Policy and Social Justice (ICLAPS 2014).
- Ikmal Hisham, M. T & Khairil Azmin, M. (2018). *Konsep Hak Asasi Manusia Bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia: Suatu Analisis*. KANUN, Janauri 2018.
- Nik, A. (2019). *Jumlah OKU berdaftar Masih Rendah*. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/23353/BERITA/Nasional/Jumlah-OKU-berdaftar-JKM-masih-rendah>
- Majihan, A. R. (2013). *Kajian Awal Terhadap Fasiliti OKU*. Dimuat turun daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/23353/BERITA/Nasional/Jumlah-OKU-berdaftar-JKM-masih-rendah>
- Norasikin, F. *Aplikasi Teknik Graph View dalam Pemvisualan Maklumat Sanad Domain Ilmu Hadis*, PhD Dissertation, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2009.
- Ong, H. S. (2019). *Government Committed to Welfare of OKU Community*. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/322156544_REALITI_PENERIMAAN_MASYARAKAT_TERHADAP_ORANG_KELAINAN_UPAYA_OKU_DI_MALAYSIA_DARI_PERSPEKTIF_MEDIA
- Pengisytiharan Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat. (1948). Dimuat turun daripada https://www.ohchr.org/EN/UDHR/Documents/UDHR_Translations/mli.pdf
- Zamil, Z. (2008). *Kemudahan Golongan Kurang Upaya dan Kepentingannya pada Masa Kini*. Dimuat turun daripada https://www.academia.edu/2339852/Kemudahan_Golongan_Kurang_Upaya_Kepentingan_Pada_Masa_Kini
- Zarinah, S. (2019). *Jangan Lupakan Hak Kami*. Dimuat turun daripada <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/08/485543/jangan-lupakan-hak-kami>